

## **Hubungkait diantara kepimpinan dan teknologi maklumat dan komunikasi (information and communications technology, ict)**

### **ABSTRACT**

Kertas kerja ini mengetengahkan perbincangan berkaitan hubungkait signifikan diantara kepimpinan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communications Technology, ICT) berdasarkan lensa tempatan (Malaysia). Bagi tujuan tersebut, pendekatan kualitatif digunakan untuk memastikan maklumat kajian yang diperlukan dapat diperolehi dengan sebaik mungkin apabila segala maklumat diperolehi daripada sumber sekunder dan temubual bersama 5 orang informan kajian yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Dalam pada itu, kajian ini mendapati bahawa ICT mempunyai peranan yang penting kepada pelbagai lapisan masyarakat dalam era globalisasi ini. Perkembangan ICT telah menyebabkan masyarakat semakin mudah untuk melakukan pekerjaan mencari maklumat dan sebagainya. Bertepatan dengan dapatan kajian ini maka adalah diharapkan dengan adanya maklumat berkenaan perkaitan signifikan diantara kepimpinan dan ICT maka usaha merencana pembangunan negara yang mapan dapat terus dijana.